

TREN PENGUNDIAN DAN DINAMIKA POLITIK CINA DI MALAYSIA

Dr.Mohd Fitri Abdul Rahman¹

¹Senior Lecturer, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia, Email:mohdfitri@uum.edu.my

Accepted date: 25 August 2016, Published date: 24 September 2016

Abstrak: *Kajian ini adalah untuk melihat arah sokongan pengundi-pengundi Cina terhadap parti-parti politik di Malaysia. Asas kajian adalah berdasarkan perubahan sokongan pengundi-pengundi Cina terhadap parti-parti politik sejak selepas kemerdekaan sehingga pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2013. Untuk itu, bagi melihat dinamika politik kepartian Cina ini, kajian ini meninjau tentang budaya politik orang Cina, isu-isu pilihan raya yang menjadi keutamaan kaum Cina, serta arah sokongan pengundi-pengundi Cina terhadap parti-parti politik. Metodologi kajian adalah kombinasi metod kualitatif dan kuantitatif, melalui pengedaran 100 borang soal-selidik serta temu-bual dengan pengurusan tertinggi parti-parti politik. Hasil kajian mendapati, pengundi atau masyarakat Cina mempunyai tahap budaya, kesedaran dan penyertaan politik yang tinggi. Pengundi Cina berpegang bahawa politik amat penting dan mengundi adalah wajib bagi menentukan hala tuju pemerintahan negara. Hasil kajian juga mendapati terdapat beberapa isu tertentu yang mendapat perhatian dari pengundi Cina. Di kedudukan pertama, kedua dan ketiga ialah pembangunan, kemudahan awam dan kestabilan dan perpaduan. Manakala berdasarkan temu bual dengan responden yang kesemuanya terdiri dari ahli-ahli politik parti, turut menyatakan bahawa pembangunan dan perpaduan merupakan isu yang menjadi isu keutamaan kaum Cina. Pengundi Cina juga memilih parti-parti politik yang berjuang sama rata antara semua kaum, perpaduan dan keharmonian serta pembangunan dan kemiskinan. Dalam pada itu, melalui tinjauan khusus tentang sokongan terhadap parti-parti politik, pengundi Cina memilih Pakatan Rakyat berbanding Barisan Nasional.*

Katakunci: arah sokongan pengundi, pengundi, politik kepartian,dinamika politik

VOTING TRENDS AND THE CHINESE POLITICAL DYNAMICS IN MALAYSIA

Dr.Mohd Fitri Abdul Rahman¹

¹Senior Lecturer, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia, Email:mohdfitri@uum.edu.my

Abstract: This study is to look at the voting trends and the support of the Chinese voters on the political parties in Malaysia. This study also to look into the changes in support of the Chinese voters on political parties since independence until after the General Election (GE) 2013. Therefore, to meet these objectives, this study attempts to check the Chinese political culture, election issues as well as the support of the Chinese voters on political parties. The research method is a combination of qualitative and quantitative methods, by distributing 100 questionnaires and interviews with the top management of the political parties. The study found that political participation among the Chinese community is at a relatively high level. Chinese voters hold strongly that politics is important and voting is obligatory to decide a country future. The study also found there are certain issues in the limelight of the Chinese voters. Ranked first, second and third are the development, public facilities and the stability and unity. Whereas based on interviews with respondents who are all consisted of politicians, also expressed that the development and unity is an issue that is a priority issue of the Chinese. Chinese voters choose political parties who fought for unity, harmony, equally among all ethnic as well as development and poverty. In the meantime, through a special survey on support for political parties, Chinese voters chose Pakatan Rakyat compared to Barisan Nasional.

Keywords: voting trends, voters, political party, political dynamics

Pengenalan

Ramai orang bercakap dan membuat pelbagai tafsiran bahawa kaum Cina, mutakhir ini, tidak lagi ‘bergantung’ kepada Barisan Nasional (BN) sebagai parti politik unggul yang boleh memayungi mereka, malah tekaan bahawa orang Cina akan beralih dari BN pada PRU ke-13 didapati benar. Tsunami 2008 merebak dan membesar menjadi tsunami Cina pada 2013. Pada PRU ke-12, MCA hanya memperoleh 15 dari 40 kerusi yang dipertandingkan di peringkat parlimen. Pada PRU-13 MCA hanya menang tujuh daripada 37 kerusi Parlimen yang ditandingi, dan hanya 11 daripada 90 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Gerakan pula hanya memenangi satu kerusi Parlimen iaitu Simpang Renggam, daripada 11 kerusi yang ditandinginya, dan tiga kerusi DUN iaitu Pemanis di Johor dan Tanjung Papat serta Elopura di Sabah, daripada 31 kerusi yang ditandinginya(Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013). Kita bertanya ke manakah perginya undi Cina. Jawapan tepat adalah kepada DAP - parti pembangkang Cina yang suatu ketika dulu tidak begitu popular dikalangan masyarakat Cina, malah kaum Cina selama itu sebenarnya merupakan penyokong kuat kepada MCA (BN) terutama pada pilihan raya 1995,

1999 dan 2004. Pertanyaan seterusnya ialah mengapa kaum China mengalih pandangan kepada DAP dan terus meninggalkan MCA dan Gerakan, sehinggakan selepas pilihan raya 2008, MCA menjadi sebuah parti yang tidak bermaya. Apakah sebelum 2008, BN tidak mengambil berat isu-isu berbangkit yang menyentuh permasalahan masyarakat Cina. Apakah pada PRU 2008 kaum Cina begitu yakin dengan DAP atau sengaja memperjudikan nasib sekadar menterjemahkan pernyataan sentimen kebencian terhadap BN. Kecenderungan politik kepartian China sentiasa berubah bermula sejak selepas kemerdekaan, terutama dalam menilai sokongan mereka terhadap BN. Ramai orang mengatakan bahawa mudah untuk menjinak masyarakat Cina menyokong kerajaan iaitu menyediakan peluang perniagaan kepada mereka seluas-luasnya atau dengan kata lain, ‘jangan kacau mereka bermiaga,’ namun adakah kita sedar bahawa kaum Cina amat mementingkan hak kesamarataan dalam pelbagai aspek serta isu bahasa dan pendidikan Cina.

Menelusuri sejarah politik Malaysia memperlihatkan dinamika politik kepartian Cina sehingga di pihak BN, mereka sentiasa tercari-cari formula dan kadang-kala berada dalam kebuntuan, bagaimana muh memikat pengundi Cina sehingga ke kemuncaknya terdengar keluhan penyokong BN, ‘kita tidak lagi memerlukan undi Cina.’

Penyataan Masalah

Kesedaran orang Cina terhadap politik kepartian di Tanah Melayu bermula sejak hujung tahun 1940an lagi. Mereka bukan sahaja menujuh, menganggotai parti-parti politik malah terus menggunakan platform ini untuk berjuang membela hak dan kepentingan kaum Cina di Tanah Melayu. Kaum Cina juga bukan sahaja menyertai parti politik perkauman MCA (1949) tetapi turut menujuh dan menganggotai parti-parti politik bukan perkauman seperti Gerakan (1966) dan DAP(1968). Namun parti popular dikalangan mereka adalah MCA. Berdasarkan jadual 1, sejak awal pilihan raya pertama, 1955 hingga ke pilihan raya ke-11, 2004, orang Cina memberi sokongan yang kuat terhadap MCA-BN.

Namun begitu sokongan orang Cina terhadap MCA bukan semata-mata berlandaskan bahawa parti ini adalah parti tulen untuk kaum Cina tetapi pertimbangan mereka adalah harapan tinggi kepada MCA untuk memperjuangkan hak dan kepentingan mereka. Walaupun di peringkat awal (1950-1965), memperlihatkan sokongan tidak berbelah kaum Cina terhadap MCA namun melalui beberapa isu yang dilihat bahawa MCA pro-UMNO, di bawah naungan BN, orang Cina mula mempertikaikan kewibawaan MCA dalam memperjuangkan hak-hak mereka. Oleh yang demikian, apabila Gerakan ditubuhkan pada 1966 dan DAP pada 1968, sokongan orang Cina mula berbelah-bagi dan MCA bukan lagi merupakan payung unggul buat mereka. Walaupun Gerakan dan DAP adalah sebuah parti bukan perkauman tetapi oleh kerana parti-parti ini lebih menyerlah dalam memperjuangkan hak dan kepentingan kaum Cina, masyarakat Cina mula condong terhadap mereka. Orang Cina melihat kedudukan MCA dalam BN sebagai kedudukan yang kurang kukuh disebabkan kedominan parti Melayu, UMNO di dalam BN. Oleh yang demikian kalau diperhatikan pada keputusan pilihan raya, sokongan orang Cina terhadap MCA-BN berskala turun naik bergantung kemampuan MCA menyelesaikan isu-isu masyarakat Cina dan bagaimana MCA berurusan dengan BN. Tanda ketidakpuasan hati kaum Cina terhadap MCA mula meletus pada pilihan raya 1969, di mana undi diperolehi MCA begitu merosot, beralih kepada DAP. Jadual 1 menunjukkan skala turun-naik pengundi Cina terhadap parti-parti komponen Cina iaitu MCA dan Gerakan.

Jadual 1.1 : Kedudukan dan Prestasi Parti MCA dan Gerakan Pada Pilihan Raya 1959- 2013 (Parlimen)

| TAHUN/ PARTI | MCA | | | GERAKAN | | |
|-----------------|-----|----|------|--|----|-----|
| | T | M | %M | T | M | %M |
| 1955 | 15 | 15 | 100% | Belum ditubuhkan | | |
| 1964 | 33 | 27 | 82% | (bukan di bawah parti Perikatan –tidak menangi kerusi) | | |
| 1969 | 33 | 13 | 39% | (bukan di bawah parti Perikatan-menang 8 kerusi) | | |
| 1974 | 23 | 19 | 83% | 8 | 5 | 63% |
| 1978 | 27 | 17 | 63% | 6 | 4 | 67% |
| 1982 | 28 | 24 | 86% | 7 | 5 | 71% |
| 1986 | 32 | 17 | 53% | 9 | 5 | 55% |
| 1990 | 32 | 18 | 56% | 9 | 5 | 55% |
| 1995 | 35 | 30 | 86% | 10 | 7 | 70% |
| 1999 | 35 | 28 | 80% | 10 | 7 | 70% |
| 2004 | 40 | 31 | 78% | 12 | 10 | 83% |
| 2008 | 40 | 15 | 38% | 12 | 2 | 17% |
| 2013 | 37 | 7 | 19% | 11 | 1 | 9% |

T= Bertanding, M= Menang, %M = Peratusan menang.

Pada pilihan raya 1969, MCA hanya memperoleh 13 kerusi dari 33 kerusi yang dipertandingkan, merosot 14 kerusi berbanding pilihan raya 1964. Parti MCA turut mengalami kemerosotan undi pada pilihan raya 1978(63%), 1986(53%) dan 1990(56%). Malah pada pilihan raya 2008, performan MCA dan Gerakan begitu lemah seolah-olah menampakkan bahawa MCA sudah tidak lagi berada dihati orang Cina. Pada PRU 2008, MCA hanya memperoleh 15 dari 40 kerusi yang ditandingi (38%) manakala Gerakan hanya menang 2 dari 12 kerusi yang ditandingi (17%). Sokongan berskala turun-naik ini bukan sesuatu yang disengaja atau direka-reka tetapi adalah disebabkan budaya dan prinsip kaum Cina terhadap politik dan politik kepartian terutama yang membabitkan hak-hak dan kepentingan mereka. Hak-hak dan kepentingan yang bagaimana? Jika ditelusuri sejarah, orang Cina memberi keutamaan atau sensitif terhadap perkara-perkara berkaitan hak kesemarataan, bahasa dan pendidikan serta ekonomi. BN yang dikatakan memerlukan undi Cina untuk terus ‘hidup’ melihat kedinamikan politik Cina sebagai sesuatu yang perlu diberi perhatian serius.

Persoalan Kajian

Antara persoalan bagi kajian ini adalah;

- 1) Bagaimakah budaya politik orang Cina?
- 2) Apakah isu-isu pilihan raya yang menjadi keutamaan kepada kaum Cina?
- 3) Apakah kecenderungan undi dan sokongan orang Cina terhadap parti politik?

Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini adalah;

- 1) Mengenal pasti budaya politik orang Cina.
- 2) Mengenal pasti isu-isu pilihan raya yang menjadi keutamaan kepada kaum Cina.
- 3) Mengenal pasti kecenderungan undi dan sokongan orang Cina terhadap parti politik.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Bagi menemui jawapan kepada objektif (1) iaitu mengenalpasti budaya politik orang Cina, objektif (2), mengenalpasti isu-isu pilihan raya, dan objektif (3), kecenderungan dan sokongan undi pengundi Cina, kajian menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan temubual (kualitatif) pemimpin dalam parti politik kerajaan dan pakatan rakyat.

Populasi

Populasi merujuk kepada sekumpulan entiti, unsur atau benda (sama ada bernyawa atau tidak bernyawa) yang menjadi subjek kajian (atau perkara yang akan, ingin atau hendak dikaji) bagi seseorang penyelidik (Ahmad Mahzan, 2005). Dalam menjalankan kajian ini, langkah pertama yang diambil adalah dengan memilih populasi untuk dikaji. Bagi mencapai objektif kajian, masyarakat dan beberapa pemimpin parti dari kerajaan dan Pakatan Rakyat di negeri Kedah sebagai populasi kajian.

Sampel Kajian

Sampel ialah subset sesuatu populasi. Berpandukan kajian Krejcie dan Morgan (Sekaran dan Bougie, 2010) iaitu untuk populasi yang ramai, saiz sampel yang sesuai untuk kaedah tinjauan hendaklah tidak kurang dari 335 responden. Ini bermakna responden yang dipilih menjadi sampel kajian adalah sebanyak 500 orang responden. Kaedah persampelan yang digunakan ialah “stratified random sampling”. Manakala kaedah tembual sampel kajian adalah sebanyak 6 orang responden terdiri daripada pemimpin parti kerajaan dan Pakatan Rakyat. Selaras dengan pernyataan Paton (2004) dan Silverman (2000) untuk kaedah tembual pengambilan sampel daripada 9 hingga 15 orang sudah memadai namun ianya boleh dikurangkan jika terdapat jawapan yang sama.

Prosedur Kajian

Kaedah yang akan digunakan dalam penyelidikan ini juga adalah berdasarkan kaedah tinjauan dan temu bual dengan menggunakan borang soal selidik dan soalan temu bual untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan berdasarkan pembolehubah yang ingin dikaji. Langkah pertama yang perlu diambil, penyelidik bersama-sama dengan pembanci mengagih-agihkan borang soal selidik tersebut kepada masyarakat di negeri Kedah yang terlibat dalam kajian. Seterusnya, langkah mengutip kembali borang soal selidik yang telah diedarkan sebelum ini dilakukan dalam masa waktu yang sama di mana responden di beri masa selama 20 minit untuk menjawab soal selidik tersebut. Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian adalah berdasarkan kepada pendekatan yang digunakan oleh Allen dan Meyer (1990) yang menyatakan kaedah tinjauan sesuai digunakan dalam kajian kerana data yang diperolehi adalah lebih tinggi nilai kebolehpercayaannya serta mudah untuk menjalankan ujian hubungan antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain.

Manakala untuk tembual penyelidik dan pembantu penyelidik akan menemui sendiri pemimpin untuk ditembual bagi menjawab objektif yang dikaji.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini untuk Insterumen berkaitan kaedah tinjauan pembahagaian dipecahkan kepada beberapa bahagian iaitu;

- 1) Demografi
- 2) Budaya Politik Kaum Cina
- 3) Isu-Isu Pilihan Raya Menjadi Keutamaan Kaum Cina
- 4) Kecenderungan Undi dan Sokongan Kaum Cina Terhadap Parti Politik

Kaedah Analisis Data

Data yang diperolehi dalam kajian ini akan dianalisis dengan menggunakan pakej komputer *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) Windows versi 20.0 (tinjauan) dan Nvivo 10 (temubual). Maklumat tentang demografi responden akan dianalisis melalui statistik deskriptif. Menggunakan kaedah berangka untuk menentukan corak set data, meringkaskan maklumat daripada set data dan mempersempahkan maklumat yang dikumpul daripada sampel dalam bentuk yang menarik. Bagi menjawab objektif kajian yang dirangka, data yang diperolehi dari kaedah kuantitatif ini akan dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan dan peratusan bagi menilai jawapan yang diberikan oleh para responden melalui skala likert yang telah dikemukakan.

Hasil Kajian

Budaya Politik Kaum Cina

Budaya politik mempunyai hubungan dengan sikap, kepercayaan dan perasaan mengenai politik semasa di dalam sesebuah negara, termasuk dari segi penyertaan politik (Muhammad Fauzi, Muhammad Fuad, Zaheruddin dan Jamaludin, 1999). Berkait dengannya, bahagian ini akan menjelaskan budaya politik Cina. Item nombor 1-9 di bahagian budaya politik Cina adalah tinjauan serta mengambil pandangan tentang budaya politik Cina. Paling jelas, menunjukkan pengundi atau masyarakat Cina mempunyai tahap budaya, kesedaran dan penyertaan politik yang tinggi. Ini dapat ditinjau melalui dapatan kajian di item berkenaan iaitu pegangan bahawa politik penting dan mengundi wajib(92%), rakyat perlu bijak pilih parti dan pemimpin yang baik untuk menjaga bangsa (88%) serta politik yang bersih, negara akan sentiasa menjadi aman dan stabil (88%). Pengundi Cina berpegang bahawa politik amat penting dan mengundi adalah wajib bagi menentukan hala tuju pemerintahan negara. Mengundi pada pilihan raya juga perlu bagi menentukan kepimpinan negara agar dapat menjalankan pemerintahan yang bersih, aman dan cekap bagi menentukan kestabilan politik.

Begitu juga jika diukur dari teori budaya politik oleh Almond & Verbal (1989), budaya politik pengundi Cina berada di peringkat *Penyertaan*, iaitu budaya politik masyarakat di mana tahap penyertaan dan kesedaran politik yang paling tinggi. Pada peringkat ini, masyarakat tersebut mempunyai pengetahuan tinggi tentang peranan dan tanggung jawab, kuasa serta bidang tugas pemerintah terhadap rakyatnya. Hal ini terus disokong melalui beberapa item soal-selidik, misalnya hanya 25% responden yang menyatakan mereka malas ambil tahu tentang politik dan hanya 16% mengatakan politik itu bohong dan kotor manakala tiada seorang pun responden yang bersetuju bahawa sesiapa memerintah sama sahaja (tiada perubahan).

Isu-Isu Pilihan Raya Menjadi Keutamaan Kaum Cina

Jelas, sebenarnya isu-isu semasa kempen boleh mempengaruhi pola pengundian (Low Yong San,2000 dan Ghazali Mayudin & Lee Kuok Tiung, 2008). Begitu juga dengan pengundi Cina. Hasil kajian mendapat terdapat beberapa isu tertentu yang mendapat perhatian dari pengundi Cina. Di kedudukan pertama, kedua dan ketiga ialah pembangunan, kemudahan awam dan kestabilan dan perpaduan. Manakala berdasarkan temu bual dengan responden yang kesemuanya terdiri dari ahli-ahli politik parti, turut menyatakan bahawa pembangunan dan perpaduan merupakan isu yang menjadi isu keutamaan kaum Cina. Namun ahli-ahli politik ini turut menyenaraikan isu-isu yang menjadi pilihan keutamaan kaum Cina ialah perniagaan, kestabilan politik, pendidikan, ekonomi dan kepimpinan. Ini adalah selari dengan penemuan kajian oleh Ghazali Mayudin dan Lee Kuok Tiung (2008), yang menyatakan isu ekonomi merupakan salah satu isu yang mempengaruhi dan memainkan peranan penting dalam menentukan sokongan kepada parti yang bertanding dalam pilihan raya di Sarawak. Sementara, Teh (1996) dalam kajian trend pengundian kaum Cina di Pulau Pinang mendapat bahawa faktor ekonomi adalah penentu yang signifikan terhadap tingkah laku pengundi Cina dalam pilihan raya umum tahun 1995 di Pulau Pinang. Manakala itu, Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali dan Mohd Faidz Mohd Zain (2012), dalam kajian mereka membuktikan bahawa orang-orang Cina lebih mementingkan isu ketelusan dan keadilan negara.

Jadual di bawah menunjukkan isu-isu pilihan raya yang menjadi perhatian pengundi Cina mengikut keutamaan (berdasarkan analisa dari gabungan jawapan borang soal-selidik dan temu bual terhadap responden);

| 1 | Pembangunan, Perniagaan dan Ekonomi |
|----------|---|
| 2 | Kemudahan Awam, Alam Sekitar |
| 3 | Perpaduan Kaum dan Kestabilan Politik |
| 4 | Kenaikan harga barang, GST, Pekerjaan, Rasuah, Politik Wang |
| 5 | Kepimpinan, Pendidikan |

Namun yang menariknya ialah isu-isu kemudahan awam dan alam sekitar kini menjadi perhatian pengundi Cina di samping perpaduan kaum dan kestabilan politik. Ini adalah kerana sejak sebelum dan selepas Merdeka sehingga ke era 1980an, isu bahasa dan pendidikan Cina amat menjadi keutamaan kaum Cina. Isu-isu seperti kemudahan awam dan alam sekitar seolah tidak pernah dipedulikan. Ini berkemungkinan adalah selaras dengan perubahan zaman di mana masalah alam sekitar menjadi semakin meruncing sama ada di Malaysia dan di seluruh dunia. Ternyata masyarakat Cina mahukan kehidupan yang selesa lantas masalah kemudahan prasarana, kejatuhan mengatasi masalah banjir, tanah runtuh, sampah dan kebersihan perlu menjadi keutamaan parti-parti politik pemerintah. Malah melalui pengedaran soal-selidik, hampir keseluruhan responden menyatakan bahawa pembangunan bandar Alor Setar adalah lembap. Ini lebih menjelaskan bahawa pengundi Cina amat prihatin terhadap isu kemudahan awam.

Dalam pada itu, turut menariknya juga ialah pengundi Cina mengutamakan perpaduan kaum dan kestabilan politik. Ternyata kalau dahulunya di awal kemerdekaan sehingga menjelang 1990an isu-isu sebegini kurang mendapat perhatian kini menjadi isu utama yang dititik-beratkan. Ternyata keadaan ini memperlihatkan kematangan pengundi Cina, di mana mereka mahukan sebuah negara yang bersatu padu, aman makmur dan politik yang stabil.

Sementara itu juga, responden yang ditemui bual turut menyatakan bahawa isu-isu semasa seperti 1MDB dan GST turut menjadi isu-isu keutamaan pengundi Cina. Ini jelas menunjukkan bahawa kedua isu ini amat serius, di mana 1MDB menggambarkan ketelusan kerajaan dan sikap kepimpinan manakala GST tentunya amat mempengaruhi pengundi Cina yang rata-ratanya adalah kalangan peniaga. Sebanyak purata 3.87 responden melalui pegedaran soal-selidik memilih kenaikan harga barang sebagai isu yang diberi keutamaan. Sementara itu, walaupun berada dikedudukan terbawah, isu-isu seperti peluang kerja, tanah, rasuah/politik wang, dan kepimpinan merupakan isu-isu yang diberi perhatian oleh pengundi Cina dalam pilihan raya.

Kecenderungan Undi dan Sokongan Kaum Cina Terhadap Parti Politik

Bahagian ini meninjau tentang kecenderungan undi dan sokongan kaum Cina terhadap parti-parti politik khusus tentang parti-parti politik di negara ini. Bernada sama seperti isu-isu pilihan raya yang menjadi keutamaan, pengundi Cina memilih parti-parti politik yang berjuang sama rata antara semua kaum (min.4.28), perpaduan dan keharmonian (min.4.25) dan pembangunan dan kemiskinan (min.4.14). Jelas pengundi-pengundi Cina akan menyokong parti-parti yang berjuang untuk semua kaum di negara ini, yang membawa maksud mereka menyokong bukan sahaja parti politik yang berjuang untuk masyarakat Cina, juga untuk kaum Melayu, India serta lain-lain. Pengundi Cina juga menyokong parti-parti yang mementingkan perpaduan dan keharmonian kaum serta parti-parti politik yang mengutamakan program pembangunan terutama yang berjuang bagi menghapuskan kemiskinan. Sementara itu, pengundi-pengundi Cina turut mengutamakan parti-parti politik yang berjuang atau mengutamakan alam sekitar, kemanusiaan, calon-calon yang berwibawa, menunaikan manifesto serta mempunyai rekod yang baik.

Perjuangan atau ide yang di bawa oleh sesebuah parti politik amat dipentingkan oleh masyarakat Cina. Kaum Cina menyokong parti-parti yang boleh mencorakkan masa depan gemilang bangsa mereka. Kaum Cina setia kepada parti-parti politik yang selari dengan aspirasi dan perjuangan kaum seperti menurut Tan (1992) dalam kajian politik perkauman di Kota Melaka dalam pilihan raya umum 1969-1990 mendapat kesetiaan kepada parti lebih dominan berbanding perkauman di samping faktor-faktor personaliti dan khidmat calon.

Berkait dengan hal ini, bagi melihat secara khusus parti-parti politik yang mendapat sokongan kaum Cina dapat dilihat melalui tinjauan politik para responden. Beberapa item yang dikemukakan jelas memperlihatkan responden memihak kepada PR berbanding BN. Berikut ialah peratusan persetujuan responden terhadap beberapa pernyataan terhadap kedua-dua parti ini;

- a. Pakatan Rakyat (PR) adalah parti yang menjaga semua kaum (68%)
- b. Barisan Nasional (BN) berjaya menyelesaikan masalah rakyat (29%)
- c. BN sebuah parti yang kuat, yang sukar ditandingi parti lain (26%)
- d. Pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan mempunyai pengalaman luas mentadbir Negara (16%)
- e. BN kotakan janji-janji pilihan raya (20%).

Ternyata sebahagian besar responden memuji PR sebagai sebuah parti yang berkhidmat dan bertanggung jawab ke atas semua kaum di negara ini namun menempelak BN yang dikatakan tidak mampu menyelesaikan permasalahan rakyat serta tidak mengotakjanji pilihan raya. Malah pengundi Cina terus tidak mengakui bahawa BN adalah sebuah parti yang kuat dan sukar

ditandingi parti lawan serta tidak berpengalaman dalam mentadbir negara. Samada pernyataan ini masih boleh dipersoalkan namun ini merupakan pernyataan yang melambangkan isi hati responden dan persepsi mereka terhadap BN. Namun begitu responden juga tidak sepenuhnya menyatakan bahawa perilaku PR juga adalah sesuatu yang teramat baik. Dari tinjauan politik responden, hanya separuh bersetuju tentang kehebatan PR, seperti di bawah;

- a. Suara DAP dilayan dalam pemerintahan kerajaan PAS di Kedah (51%)
- b. Kerajaan PAS Kedah bersikap adil terhadap semua kaum (51%)
- c. Pemimpin-pemimpin DAP berwibawa dan berpandangan jauh (51%)

Separuh dari responden tentunya berpendapat bahawa DAP tidak mendapat perhatian sewajarnya dari kerajaan pemerintah negeri Kedah iaitu PAS. Manakala mereka juga turut mengatakan bahawa Kerajaan PAS Kedah tidak bersikap adil terhadap semua kaum serta menganggap pemimpin-pemimpin DAP tidak berwibawa dan berpandangan jauh.

Sebenarnya sukar untuk mendapat jawapan tepat mengenai parti-parti yang akan diundi oleh pengundi Cina terutama pada PRU ke-14 nanti. Ini adalah kerana hampir kesemua parti-parti politik di negara ini memperjuangkan isu-isu yang menjadi perhatian kaum Cina seperti pembahagian sumber sama rata antara semua kaum, perpaduan dan keharmonian serta pembangunan dan kemiskinan. Namun begitu berdasarkan kajian ini, melalui tinjauan secara khusus terhadap parti-parti politik, pengundi Cina memilih PR(60%) berbanding BN (40%). Di sini didapati parti-parti yang menjadi pilihan pengundi Cina iaitu yang memperjuangkan pembahagian sumber sama rata antara semua kaum, perpaduan dan keharmonian serta pembangunan dan kemiskinan adalah dirujuk kepada PR.

Cadangan

Kajian ini mencadangkan kepada parti pemerintah dan juga parti-parti pembangkang jika sekiranya mahu mendapat undi majoriti dari pengundi-pengundi Cina perlulah menumpukan usaha mereka ke arah perkara-perkara berikut;

- a. Berjuang ke arah mencapai kestabilan politik di negara ini terutama melalui usaha memupuk perpaduan antara kaum dan etnik.
- b. Pembahagian sumber secara sama rata antara kaum.
- c. Menyemarakkan pembangunan dan membasmi kemiskinan.
- d. Memulihkan infrastruktur dan kemudahan awam termasuk serius terhadap isu-isu alam sekitar.
- e. Melonjak dan menggalak sektor ekonomi dan perniagaan.
- f. Memiliki pemimpin yang bersih, telus serta berjiwa rakyat.

Cadangan Terhadap Penyelidikan Masa Hadapan

Beberapa kajian masa hadapan boleh dilakukan dengan memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut;

- a. Dibuat kajian di negeri-negeri majoriti Cina seperti Pulau Pinang dan Perak. Ini adalah kerana masyarakat Cina di sini mempunyai pandangan yang berbeza berdasarkan persekitaran dan suasana politik.Kaum Cina di Pulau Pinang misalnya telah sedekad lebih berada di bawah pemerintahan PR tentunya mempunyai pandangan dan pengalaman yang berbeza.
- b. Memperdalamkan isu. Misalnya apakah kriteria alam sekitar yang mahu diselesaikan.

- c. Memperluaskan jangkauan responden. Responden yang ramai berpotensi mendapat jawapan yang lebih tepat.
- d. Terus memberi tumpuan dan tinjauan samada memilih parti-parti BN atau PR (fokus kepada kelemahan dan kekuatan setiap parti).

Kesimpulan

Politik begitu dinamik. Bukan sahaja dari sudut ideologi dan elemen-elemen politiknya seperti perkembangan sesebuah negara, pilihan raya dan pengundi juga turut mengalami perubahan. Ini termasuklah perubahan sokongan terhadap parti-parti politik dan perubahan pandangan terhadap pemerintahan sesebuah negara. Begitu juga dengan pengundi Cina di Malaysia. Sokongan terhadap parti politik dan pandangan terhadap pemerintahan negara sentiasa berubah berasaskan peredaran zaman dan perubahan sikap dan mentaliti pengundi Cina itu sendiri. Kalau selepas Merdeka pengundi Cina memberi sokongan yang tidak berbelah-bagi kepada MCA-GERAKAN serta BN, namun menjelang 2008 dan seterusnya sehingga 2013, arah sokongan pengundi Cina kian berubah. Malah mereka bukan sahaja mula mendekati parti pembangkang, tetapi mengundi untuk parti pembangkang, sehingga menggugat staus-quo BN. Perkara ini berlaku bukan disengajakan tetapi akibat dari faktor-faktor dalam dan luaran parti-parti politik termasuk dalam pendekatan kempen pilihan raya. Namun yang jelas juga pengundi-pengundi Cina melihat jauh tentang masa depan mereka di Malaysia.

Rujukan

- Abdul Halim Sidek et.al (2010). Penolakan Sentimen Etnik dalam Politik Semasa di Malaysia Kes Pilihanraya Kecil 2009 Di Bukit Selambau, Kedah. *Malaysian Journal of Society And Space 6 issue 3*, 46-56. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adibah Binti Abdul Latif & Fatimah Harlina Mohd Taib. (2010). *Hubungan Tingkah Laku Kelakuan Pensyarah dengan Tahap Motivasi Pelajar*. Fakulti Pendidikan . Universiti Teknologi Malaysia.
- Amer Saifude Ghazali, Mohamad Redzuan Othman, Zulkarnain Abdul Rahman & Rosmadi Fauzi. (2011). Politik Etnik Malaysia : Analisis Pasca Pilihanraya Umum ke -12 Mengenai sokongan bukan Melayu kepada UMNO dan PAS. *Malaysia Journal of Society and Space 7 issue 2* 18-27. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Durrishah Bt Idrus. et .al. (2000). *Kajian sikap golongan berpotensi terhadap penyertaan Dalam proses pilihanraya: satu kajian kes di negeri Johor*. Tesis Master. Fakulti Pembangunan sumber manusia. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamidah Abdul Rahman, Norlin Ahmad & Shah Rollah Abdul wahab (2009). *Konsep Asas Hubungan Etnik*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Izham Shafie (1998). Pengantar Statistik. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Jamaie Hj Hamil, Faris Afiq Ikhwan Saifullah, Muhammad Suhaimi, Abdul Rahman Mahfudzah Mustafa, Rusli Kamaruddin ... Nadzri Mohamed Noor. (2014).Ikhtisar Analisis Pilihanraya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia. *MalaysiaJournal of Society and Space 10*, 39-53. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar. (2014). Pilihanraya Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis “Tsunami Politik Bandar”. *Malaysian Journal of Society and Space 10*, 28-38. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar. (2012). Persepsi Politik dan Trend pengundian di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang. *Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 3* 61-70. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jalil & Mohd Faidz Mohd Zain. (2012). Analisis Pola Pola Etnik Cina dalam Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor. *Malaysia Journal of Society And Space 8 issue 5* 39-50. Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali.(2012).Penilaian Awal Impak Perlaksanaan Dasar Perumahan Negara terhadap sektor Perumahan di Kuala Lumpur. *Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 6*, 90-108. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (1991). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ku Hasnan Bin Ku Halim.(2013).*Dinamisme Politik dan Pembangunan: Antara Mempusatkan Tradisi Vs Melestarikan Perubahan, Pengalaman UMNO dalam Teras Upaya Bina Negara Bangsa Idaman*. Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar kali 4. Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Lee Teck Choo. (2008). *Perkembangan Sosioekonomi dan Politik Dalaman orang Cina di Daerah Baud an Bandar Kuching sejak 1840 hingga 1947*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Universiti Sains Malaysia.
- Low Yong San. (2000). *Pola Politik Cina di Semenanjung Malaysia dalam tahun1990-an*.Tesis Ijazah Master Sains. Fakulti Ekologi Manusia. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon & Mohd Faidz Mohd Zain.(2014). “Realignment” Pengundi Cina dalam PRU ke-13, 2013. *Malaysian Journal of Society And Space 10, issue 56-64*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Amriah Buang, Mohd Jalaluddin Hashim, Novel Lyndon, Hamizah Jusoh ... Mohd Yusof Hussain. (2012). Pengaruh Politik Alam Sekitar Terhadap Persepsi Pengundi: Kajian Kes DUN Kedah. *Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 6* 117-133.Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ridhuan Tee Bin Abdullah. (2008).*Persepsi Pelajar Cina di Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Gerakan Politik UMNO*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammed Fauzi Bin Othman. (2003). *Penyertaan Politik Masyarakat dalam Pilihanraya:Kajian kes Pilihanraya Umum ke Sepuluh 1999 di negeri Johor*. Jurnal Kemanusiaan. Fakulti Perhubungan Antarabangsa. Universiti Utara Malaysia.
- Razali Mat Zin. (1998). *Teori Kepimpinan dalam Pengurusan. Sintok*. Universiti Utara Malaysia.
- Rusniyati Mahiyaddin. (2008). *Pilihanraya ke-12 : Satu Perubahan di Malaysia*. Shah Alam.Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Sarjit S. Gill, Mohd Razali Harun & Ahmad Tarmizi Talib. (2014). Komuniti Minoriti dan Pembentukan Landskap Politik Lokal:Penglibatan Politik Belia Siam di Semenanjung Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space 10 issue 2*, 95-103. Fakulti EkologiManusia. Universiti Putra Malaysia.